

SARAWAK

PCB.289112: TIADA PEMBINAAN JALAN UNTUK AKSES KELUAR MASUK DARIPADA KEDIAMAN PENGADU KE JALAN RAYA UTAMA

27 Mei 2022 – BPA Sarawak telah menerima aduan melalui Borang Laman Web SISPA. Semakan mendapati aduan yang sama pernah dikemukakan pada 26 Jun 2019 dengan nombor rujukan PCB.249872 yang berbentuk permohonan pembinaan jalan untuk kemudahan keluar masuk di Lebuhraya Pan Borneo yang berjarak kira-kira 20-meter dari kediaman pengadu.

Tindakan Penyelesaian


Maklum balas daripada Jabatan Tanah dan Survei Cawangan Bintulu menyatakan bahawa kedudukan asal kediaman pengadu telah berubah iaitu dipindah kira-kira 100-meter ke dalam yang merupakan kawasan tanaman kelapa sawit milik pengadu dan berpotensi menjadi faktor yang menyumbang kepada isu kediaman tiada dalam pelan pembinaan. Jabatan Tanah dan Survei Cawangan Bintulu juga telah membayar sejumlah pampasan kepada pihak pengadu untuk kawasan yang terlibat dalam pembinaan Lebuhraya Pan Borneo selain mengesyor untuk terus merujuk kepada Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak bagi rujukan lanjut. Justifikasi syor adalah kerana projek pembinaan telah diserahkan sepenuhnya kepada Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak.

Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak telah membuat tindakan siasatan dan merujuk untuk mendapatkan pandangan kedua atas isu keselamatan. Ini kerana semakan Unit Lebuhraya Pan Borneo (*PBHU*) JKR Sarawak mendapati permohonan untuk pembinaan jalan keluar masuk kediaman ke jalan raya utama pada laluan yang dimohon pengadu adalah kurang sesuai. Pada Disember 2022 satu penyelesaian dicapai secara sepakat iaitu satu jalan keluar masuk baru akan dibina untuk kegunaan kediaman pengadu dan penduduk sekitar namun kedudukan pembinaan telah dialih sedikit daripada cadangan pengadu untuk mengurangkan risiko kemalangan. BPA Sarawak juga telah menerima satu mesej ucapan terima kasih daripada pihak pengadu kerana berjaya membantu menyelaraskan dan menyelesaikan isu

berbangkit yang telah berlarutan sejak tahun 2019 dan harapan hasil penyelesaian yang telah dicapai berupaya memberi manfaat kepada penduduk kampung sekitar yang terjejas.



Laluan tidak berturap yang digunakan untuk keluar masuk ke jalan raya utama



Gambaran untuk perincian butiran aduan.



Kedudukan jalan raya utama berada pada kecerunan yang tinggi



Laluan yang dimohon merupakan laluan kabel bekalan elektrik



Paip pembetung (*culvert*) yang dibina terlalu tinggi pada selekoh laluan utama telah diubahsuai mengikut bentuk muka bumi bersesuaian



Laluan keluar masuk baru yang lebih berdekatan sedang dalam proses pembinaan